

RUMUSAN PRAKTIS 1

Baca petikan dan bahan grafik dengan teliti, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan grafik.

Bahan 1: Petikan

Sejak negara mencapai kemerdekaan, Malaysia semakin maju meniti arus kemodenan. Generasi hari ini semakin bijak mereka cipta dan membina banyak bangunan pencakar langit. Walaupun banyak bangunan pencakar langit ini, namun bangunan bersejarah tidak pernah dilupakan. Bangunan bersejarah seperti Bangunan Sultan Abdul Samad di Kuala Lumpur, Kota A'Famosa, di Melaka, dan Masjid Ubudiah, di Kuala Kangsar tetap utuh berdiri dengan sejarah dan nilai komersialnya sendiri. Dengan adanya bangunan bersejarah, keunikan dan estetika seni binanya dapat dipamerkan dan mengimbau kembali sejarah negara.

Pelancong pasti akan tertarik untuk melancong ke Malaysia kerana adanya warisan sejarah negara yang boleh dilawati. Secara tidak langsung bangunan bersejarah boleh dijadikan sumber maklumat sejarah kepada generasi akan datang. Golongan muda akan lebih terdidik dan akan timbul kesedaran dalam diri mereka tentang faedah menjaga keamanan negara kelak. Bagi mengekalkan bangunan bersejarah ini, kerajaan perlu memperuntukkan belanjawan khas bagi memelihara bangunan bersejarah. Selain itu, dengan memelihara dan memulihara bangunan bersejarah ini, kepentingannya ialah kita dapat menarik pelancong asing melancong ke negara kita. Setiap bangunan bersejarah mempunyai cerita sejarahnya yang tersendiri.

Di samping itu, keunikan bangunan bersejarah dapat dikekalkan kerana bangunan ini dijaga dengan baik. Dengan adanya wang yang mencukupi, bangunan bersejarah dapat dinaik taraf bagi menarik pelancong untuk datang berkunjung. Langkah yang proaktif ialah Kementerian Pelancongan perlu menjadikan tempat bersejarah sebagai satu lokasi yang perlu dituju oleh pelancong. Ejen-ejen pelancongan perlu memasukkan bangunan bersejarah sebagai salah satu pakej pelancongan mereka. Imej negara pastinya akan meningkat kerana mempunyai bangunan bersejarah yang unik

Dipetik dan diubah suai daripada
Memelihara Bangunan Bersejarah
oleh Aqilah Aswana Shamsul Bahari,
Dewan Siswa Bil 7, 2017

Bangunan Bersejarah di Malaysia

- Kerajaan perlu mendapatkan pengiktirafan Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).
- Syarikat produksi membuat dokumentari tentang bangunan bersejarah.
- Media massa membuat promosi besar-besaran.



Bangunan Sultan Abdul Samad, Kuala Lumpur



Kota A'Famosa, Melaka



Masjid Ubudiah, Kuala Kangsar

PENDAHULUAN

ISI TERSURAT (BAHAN 1)

ISI TERSURAT (BAHAN 2 GRAFIK)

KESIMPULAN

Kesimpulannya,
agar

untuk